



PEJABAT PERDANA MENTERI  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
No. Tel: 03-8886 6221  
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

---

**MITRA.100-9/1/1 (9)**

**KENYATAAN MEDIA  
PENANGGUHAN PEMBUKAAN PERMOHONAN GERAN PROGRAM  
PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (PPSMI)  
TAHUN 2025**

**PUTRAJAYA, 11 OKOTBER 2024** – Merujuk kepada kenyataan media Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) pada 5 Oktober 2024, Permohonan Geran Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) Tahun 2025 dijadualkan dibuka pada 15 Oktober 2024 jam 2.30 petang untuk tempoh selama 31 hari sehingga 14 November 2024 jam 5.00 petang.

- MITRA telah mengadakan majlis libat urus berhubung permohonan geran di enam (6) negeri (Pulau Pinang/Perak/Johor/Melaka/Negeri Sembilan/Kuala Lumpur) yang telah dihadiri seramai 870 orang merangkumi Badan Bukan Kerajaan (NGO)/Syarikat/lain-lain.
- Tujuan majlis libat urus ini diadakan adalah untuk memberikan taklimat berhubung skop dan peranan MITRA, rantaian ke hadapan (*way forward*) MITRA serta panduan permohonan geran dan kaedah mengemukakan permohonan melalui Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA (SPGKM).
- Walau bagaimanapun, semasa sesi dialog antara YB Tuan Prabakaran a/l M Parameswaran, Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas MITRA merangkap Ahli Parlimen Batu dan YBr. Tuan Prabakaran Ganapathy, Ketua Pengarah MITRA bersama dengan peserta yang telah diadakan pada majlis tersebut, **MITRA telah menerima pelbagai pandangan dan input berhubung pembangunan sosioekonomi masyarakat India serta berkaitan permohonan geran PPSMI.**

5. Sehubungan itu, **MITRA dalam proses membuat beberapa penambahbaikan dan telah memutuskan untuk menangguhkan tarikh pembukaan Permohonan Geran PPSMI Tahun 2025 kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.**
6. Keputusan ini adalah susulan daripada pandangan dan input yang telah diterima dan garis panduan permohonan geran dan Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA (SPGKM) akan diselaraskan semula demi mencapai objektif MITRA iaitu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.
7. **Tarikh baharu pembukaan permohonan geran akan dimaklumkan dalam masa terdekat** selepas penambahbaikan kepada garis panduan dan SPGKM selesai.

**-TAMAT-**

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI  
11 OKTOBER 2024**